

Farah Ayuni pengawal benteng terakhir

Teks dan gambar Kusyi Hirdan

Tutur katanya lembut saja, begitu juga orangnya. Walaupun agak tinggi, gadis ini memang kurus. Dia juga tidak nampak seperti 'terbakar' kerana sering berjemur dek latihan di padang.

Penulis tidak pasti boleh meneka dia seorang ahli sukan sekiranya berjumpa di mana-mana. Hakikatnya dia seorang ahli sukan yang membanggakan negara.

Kami berjumpa di tempat yang paling disukainya. Padang hoki. Dia ialah Farah Ayuni Yahya, 25.

Malaysia wajar mengiktiraf anak kelahiran Johor ini. Anak kelima daripada enam beradik, dia sudah aktif bermain hoki sejak umurnya 12 tahun. Dari peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan Taman Cempaka, Johor Bahru, dia kemudiannya ke Sekolah Sukan Bandar Penawar, Kota Tinggi.

Minat Farah Ayuni di dunia hoki begitu menebal. Pengiktirafan menjadi miliknya apabila tahun ini menyaksikan

gadis ini mendapat anugerah Penjaga Gol Hoki Terbaik di Piala Asia Tertutup Almaty Kazakhstan dan Liga Hoki Wanita.



Hebat di padang, hebat juga di bidang pelajaran. Farah Ayuni berada di tahun akhir Bachelor Komunikasi Universiti Putra Malaysia. Berpengalaman besar menjaga gawang negara, kita sebenarnya mempunyai barisan pemain hoki wanita yang hebat belaka.

Untuk berada dalam apa jua bidang terutama sukan, ia memerlukan minat, kerja keras dan komitmen tinggi. Semua itu ada pada Farah Ayuni menyebabkan dia bertahan sejak mula mewakili negara pada 2007.

Kenangan pahit manis bersama perjalanan kariernya di dalam hoki menjadi sebahagian

daripada dirinya.

"Pertama kali mewakili negara ialah di Piala Asia, ketika itu melawan pasukan China. Waktu itu saya bermula sebagai penjaga gol kedua," kenang Farah Ayuni yang mudah tersenyum ini.

Sebagai pelajar, Farah perlu bijak membahagi masa. Memang ia bukan sesuatu yang mudah tambahan pula dia berada di tahun akhir. Jadualnya makin sibuk terutama apabila ada sukan besar yang perlu disertai. Sukan SEA di Myanmar sudah berlalu, kini bakal menjelang Sukan Asia dan juga

Sukan Komanwel.

Jadi hidup Farah Ayuni tertumpu pada dua perkara, latihan dan pelajaran.

"Pagi dan petang memang masa untuk latihan jadi saya hanya ada masa tengah hari dan malam untuk belajar. Memang pentak, kadang-kadang tersengguk-sengguk tetapi kena buat juga. Selain itu kewajipan menguatkan diri juga perlu seperti berjoging dan ke gimnasium," katanya.

Kecederaan tidak dapat dielakkan oleh mana-mana ahli sukan. Farah Ayuni juga pernah melaluinya. Dia pernah cedera di pangkal paha membuatkan dia tidak dapat turun latihan selama dua bulan.

Tahun lalu di Liga Dunia yang berlangsung di New Delhi apabila pasukannya berjaya mengalahkan Russia 3-1, Farah Ayuni juga cedera. Keadaan ini merisaukan kerana selepas itu pasukan negara menentang India. Dikhawatir dia tidak dapat beraksi tetapi dia dapat juga bersama pasukannya membawa misi negara.

"Apabila cedera memang saya sedih sebab tidak dapat membantu pasukan pada saat genting. Kecederaan akan membuatkan saya tidak boleh beraksi seperti biasa, pergerakan



menjadi terhad," katanya.

Penjaga gol adalah posisi yang diminati yang disandangnya sejak sekolah rendah. Apabila ditanya siapa pemain yang dikagumi, dia memberitahu sangat mengagumi jurulatih hoki mereka Mohd Nasihin Nubli Ibrahim.

"Dia juga dulu penjaga gol. Jadi dia banyak memberi dorongan dan ilmu berguna kepada saya," katanya.

Penguat semangat

Bagaimana pula mahu mengatasi permainan psikologi dimainkan pihak lawan? Apabila berlawan dengan pihak yang jauh lebih besar, tidakkah pandangan kasar menakutkan? Namun Farah menegaskan, setiap pemain perlu ada kekuatan diri.

"Selalunya jurulatih tegaskan pada kami, tak perlu takut apa-apa contohnya Thailand. Mereka sangat suka bermain dengan psikologi. Jadi jurulatih menyuruh kami jangan memikirkan soal itu sebaliknya fokus pada permainan terbaik dan kelebihan kami di padang. Kami juga ada kelebihan dan jangan rendah diri. Kena yakin sewaktu di padang," katanya.

Betul kata Farah Ayuni, lawan tetap lawan. Lawanlah bersungguh-sungguh dan sekiranya kalah sekali pun, biar kalah bermaruah.

Namun sebagai manusia biasa, Farah Ayuni mengaku pernah rasa hilang semangat dan putus asa disebabkan kritikan melampau sesetengah pihak terhadap pasukan hoki wanita.

"Saya bertahan dan kuatkan semangat kerana minat yang mendalam dalam bidang ini. Sokongan jurulatih dan kawan-kawan membuatkan saya tidak mahu terlalu memikirkan cakap-cakap orang," katanya.

Minat Farah Ayuni terhadap hoki disebabkan keunikannya sukan itu sendiri.

"Saya sukakan keunikannya sukan



ini. Semangat berpasukannya dan bagi saya inilah sukan yang sesuai dengan bakat saya. Bersama hoki saya dapat bermain di tahap tertinggi serta bertembung di padang dengan negara kuasa besar hoki," katanya.

Mengenang perlawanan paling meninggalkan kesan di hatinya ketika Trofi Juara-Juara Asia di Jepun.

"Kami dapat tempat ketiga. Walaupun tempat ketiga, saya rasa bermakna sangat kerana kami berjaya mengalahkan China dengan 3-1. Ini kerana rekod kami masa itu memang tak pernah menang dengan China. Ketika itu, Jepun di tempat pertama dan India di tempat kedua," katanya.

Kenangan pahit yang terkesan di hati Farah Ayuni pula ialah Sukan Komanwel 2010. Sedih dan tertekan kerana mereka mendapat tempat tercorot pada sukan itu namun prestasi pasukan hoki negara meningkat semula pada 2011.

"Bagi saya pengalaman kami di peringkat antarabangsa sangat membantu pencapaian. Saya sendiri pernah dihantar berla-

tih di Perth, Australia selama tiga bulan bersama beberapa rakan pasukan. Walaupun di peringkat awal pihak sana memandang kecil pada keupayaan kami, lama-kelamaan mereka tahu kebolehan kami," katanya.

Di Perth, Farah Ayuni menimba pengalaman mengenai gaya permainan yang pantas dan tangkas. Pembabitan Farah mendapat sokongan padu daripada keluarganya. Hanya dia seorang yang terbabit dalam bidang sukan sehingga mewakili negara. Ini pasti membanggakan keluarganya.

"Selepas ini, saya merancang untuk mengambil sijil jurulatih. Selepas tamat belajar saya akan meneruskan minat kedua saya iaitu untuk menjadi polis," katanya tersenyum.

Gadis ini memang menyimpan cita-cita tinggi menjadi polis. Perjalanan karier Farah Ayuni masih panjang. Biar pun kelak sudah menjadi anggota polis, jiwa hoki tidak mungkin lepas dari dirinya.

Dia mungkin menjadi jurulatih kerana pengalaman tinggi yang ada padanya wajar dikongsi bagi melahirkan lebih ramai pemain hoki yang berkualiti dan membanggakan negara.

Pengalaman:

2007

- Sukan SEA (emas)
- Kelayakan Piala Remaja Asia
- Piala Asia Hong Kong

2008

- Kelayakan Olimpik Victoria, Kanada
- Kelayakan Piala Dunia Junior Seremban

2009

- Bermain bersama Kelab di Perth, Australia selama tiga bulan
- Kejohanan Hoki Wanita Kebangsaan
- Piala Asia Bangkok

2010

- Sukma di Melaka mewakili Johor (emas)
- Kelayakan Piala Dunia di Santiago, Chile
- Sukma Asia, Guangzhou, China

2011

- Jemputan 9, Lanco, Perth, Australia
- Cabaran Juara-juara 2, Vienna, Austria

2012

- Kelayakan Olimpik Kakamigahara, Jepun
- Jemputan 9, Lanco, Perth, Australia
- Liga Dunia Pusingan 1 Kuantan

2013

- Liga Dunia Pusingan 2 New Delhi
- Trofi Juara-Juara Asia Kakamigahara, Jepun
- Sukan SEA Myanmar (emas)
- Jemputan 9, Lanco, Perth, Australia
- Piala Asia Kuala Lumpur

Anugerah

2014

- Piala Asia Tertutup Almaty Kazakhstan (No 2)
- Anugerah Penjaga Gol Hoki Terbaik

Liga Hoki Wanita - Anugerah Penjaga Gol Hoki Terbaik



